



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN DAN PENYAMPAIAN
HADIAH SEMPENA HARI WARISAN

TARIKH / MASA / TEMPAT

21 SEPTEMBER 2019 (SABTU)
2.00 PETANG

LOBI MENARA BANDARAYA
BANDAR PERDA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud

Puan Setiausaha Bandaraya

Yang Berusaha Tuan Haji Dahalan Fazil

Presiden Pertubuhan Sejarah Dan Warisan Seberang Perai

Ustaz Yusof Desa

Pejabat Agama Seberang Perai Utara.

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Kakitangan-kakitangan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Guru-Guru Sekolah

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

**ASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABAROKATUH
SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PETANG**

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang ini dalam Majlis Perasmian dan Penyampaian Hadiah Sempena Hari Warisan di Lobi Menara Bandaraya.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada para hadirin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang sudi meluangkan masa untuk hadir dan bersama-sama memeriahkan suasana bagi menjayakan program pada petang yang indah ini. Program Hari Warisan Sempena Pemasyhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ini merupakan program yang julung kali dilaksanakan oleh MBSP. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, terutamanya Unit Pelancongan, Seni dan Warisan yang telah bertungkus lumus menganjurkan program ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dengan secara rasminya diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuatkuasa pada 16 September 2019. Dengan pengisytiharan ini, MBSP menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke-15 daripada 150 PBT yang bertaraf bandaraya. Pulau Pinang adalah negeri pertama di Malaysia yang mana kedua-dua PBT di negeri itu bertaraf bandaraya dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di bahagian pulau manakala MBSP di seberang. Jutaan tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja MBSP terutamanya Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, kakitangan-kakitangan MBSP dan warga Seberang Perai di atas usaha dan kerjasama yang diberikan dalam merealisasikan hasrat untuk dinaiktarafkan Majlis Perbandaran kepada Majlis Bandaraya.

MBSP akan terus komited dan beriltizam untuk muncul sebagai Bandaraya Rendah Karbon menjelang 2022 dan turut menetapkan sasaran untuk menjadikan Bandaraya Seberang Perai sebagai Bandar Karbon Neutral menjelang 2030. Untuk mencapai aspirasi ini, MBSP telah mewujudkan Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang mampan dan lestari Jangka Pendek, Sederhana dan Panjang. Malahan ianya menjadi Kontrak

Sosial bagi menjadikan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandaraya Dipacu oleh Teknologi”. Kontrak sosial ini menandakan bermulanya era *Contemporary Society* yang berpegang kepada falsafah “Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar Berpaksikan Rakyat”.

Ini merupakan saat yang membanggakan buat warga kerja MBSP, seluruh penduduk Seberang Perai dan juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana berjaya dinaiktaraf menjadi Majlis Bandaraya. MBSP akan terus komited untuk membawa perubahan kepada rakyat setelah dinaiktaraf menjadi bandaraya terutamanya dalam *Institutional Reform* dan sistem penyampaian supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmatinya. Pembaharuan institusi dan sistem penyampaian yang pantas berada di bawah *Strategic Initiatives C4* iaitu *Accelerate Programme Delivery And Institutional Reform* dalam Penang2030. Saya amat berharap *institutional reform* yang dilaksanakan dapat memenuhi ekspektasi semua kehendak *stakeholders* di samping dapat mempertingkatkan lagi perkhidmatan perbandaran, perancangan, pembangunan dan infrastruktur yang cekap dan berkesan. Justeru, MBSP akan menubuhkan Jabatan Warisan dan Pelancongan yang akan memberi penumpuan kepada usaha-usaha mewujudkan Garis Panduan Pembangunan, Penyelenggaraan Bangunan

Warisan. Jabatan ini juga akan bertanggungjawab kepada galakan eko-pelancongan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Majlis Bandaraya yang baru dinaik taraf, harus dilihat mampu mewujudkan bandar yang sejahtera, mampu meningkatkan liveability dan mengadakan program untuk mengukuhkan ikatan keluarga bagi menyokong *Penang 2030 A Family-Focused, Green and Smart State that Inspires The Nation*.

Sempena Pemashyuran Bandaraya, program Hari Warisan diadakan pada hari ini, iaitu 21 September 2019, bermula pukul 9.00 pagi dengan pengisian pelbagai program yang terdiri dari:-

1. Sembang-sembang warisan

Program Sembang-sembang Warisan ini bertujuan untuk berbincang serta berbicara serba sedikit mengenai sejarah Seberang Perai, Saya ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada dua (2) ahli panel iaitu Tuan Haji Dahalan Fazil, Presiden Pertubuhan Sejarah & Warisan Seberang Perai dan Ustaz Yusof Desa dari Pejabat Agama Seberang Perai Utara. Terima kasih juga kepada Encik Mohd. Ridzal Bin Abdul yang berperanan sebagai moderator.

2. Pertandingan Tarian Tradisional

Pertandingan tradisional ini terbuka kepada sekolah-sekolah di Pulau Pinang, di mana kesemua sekolah yang bertanding dikehendaki mempersembahkan dua (2) jenis tarian iaitu Tarian Zapin dan satu Tarian Etnik. Saya difahamkan terdapat beberapa sekolah menarik diri di saat-saat akhir disebabkan peperiksaan PT3 dan keadaan cuaca yang berjerebu pada masa ini. Walau bagaimanapun saya mengucapkan syabas dan taniah kepada tujuh (7) sekolah yang masuk pertandingan ini. Tahniah diucapkan kepada yang berjaya dan kepada yang tidak berjaya boleh berusaha lagi.

3. Pameran Warisan di Ruang Legar MBSP

MBSP juga mengadakan pameran berkenaan warisan di Seberang Perai yang diadakan di ruang Lobi Menara Bandaraya ini. Para hadirin boleh mengambil peluang melihat Booth Pameran yang di sediakan.

4. Tayangan Dokumentari di Auditorium Menara Bandaraya

Tayangan dokumentari yang berdurasi satu jam ini menayangkan sejarah kawasan dan bangunan-bangunan warisan yang terdapat di Seberang Perai. Di harap semua dapat mengambil peluang melihat

dokumentari terbitan MBSP ini. Kita menyediakan tiga (3) sesi tayangan dokumentari ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Langkah ke hadapan, MBSP akan membuat *Baseline Study* untuk mendapatkan data-data seniman dalam berbagai bidang seni di Seberang Perai untuk ditonjolkan supaya Seberang Perai kaya dengan seniman. Seberang Perai telah lama melahirkan tokoh seni pertukangan besi dan senibina rumah melayu yang unik dan mempunyai sejarah uniknya tersendiri. Pemuliharaan warisan sama ada berbentuk artefak, binaan, nama tempat dan cerita lisan sangat perlu dari kepupusan lantaran pantasnya pembangunan di Seberang Perai ini. Tokoh kelahiran Seberang Perai yang dikenali di peringkat negara dan antarabangsa perlu dikaji sejarah, warisan perjuangan dan sumbangan mereka. Malah penemuan rangka, yang dipercayai milik manusia purba berusia di antara 5,000 dan 6,000 tahun dari era Neolitik, membuktikan wujudnya penempatan awal di sini. Rangka yang ditemui dinamakan sebagai "Wanita Pulau Pinang", telah ditemui di Guar Kepah, Seberang Perai Utara pada 17 April 2017.

Oleh itu, pemuliharaan panorama alam, habitat flora faunanya serta pengekalan kampung tradisional Melayu, kepentingan sejarah, tapak warisan serta monumen warisan harus menjadi agenda untuk warisan

generasi akan datang. Saya mengharapkan agar tindakan-tindakan dibuat untuk mengkaji serta merekod segala warisan peninggalan serta sejarah Seberang Perai untuk generasi akan datang.

Akhir kata saya mengucapkan terima kasih kepada yang menyertai program hari warisan ini. Kepada Ahli Ahli Majlis dan Ketua Jabatan serta kakitangan MBSP yang datang bagi memeriahkan program pada hari ini. Ambil peluang melihat sejarah dan warisan Seberang Perai, Saya sudah dengan serangkap pantun...

Memetik bunga di Pekan Penanti,
Asprasi Seberang perai kini di hayati,
Sambutan Hari Warisan kini di mulai,
Demi martabat khazanah tidak di khianati

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian, terima kasih.